

Berita Minggu, Ahad, 4 Oktober, 1981

Awas pengutip wang guna nama Mahathir dan Musa

KUALA LUMPUR, Sabtu — Pejabat Perdana Menteri menasihatkan orang ramai supaya mendapatkan pengesahan pejabat tersebut atau Pejabat Timbalan Perdana Menteri terlebih dahulu, sebelum melayan sebarang kutipan wang.

Ini adalah kerana kebelakangan ini, beberapa orang atau golongan telah menggunakan nama

■ Dapatkan pengesahan Pejabat PM atau TPM terlebih dahulu ■

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, secara langsung atau tidak langsung mengutip wang dari firma-firma dan orang-orang perseorangan.

Kenyataan penuh Pe-

jabat Perdana Menteri itu adalah seperti berikut:

“Pejabat ini telah difahamkan bahawa tempoh waktu, beberapa orang atau golongan telah menggunakan nama YAB Perdana Menteri atau YAB Timbalan Perdana Menteri secara langsung atau tidak langsung untuk membuat kutipan dari firm-firma dan orang-orang perseorangan.

Orang ramai adalah dinasihatkan supaya mendapat pengesahan daripada Pejabat Perdana Menteri atau Pejabat Timbalan Perdana Menteri sebelum melayani sebarang kutipan wang.”